



قجابت بسر
مجلس دائره تڠكق

PEJABAT BESAR,
MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 Tangkak, Johor

Telefon : 06 - 978 1261 / 978 2226
No. Faks : 06 - 978 2670 / 978 5741
Emel : mdtgk@johor.gov.my
Laman Sesawang : <http://www.mdtangkak.gov.my>

Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : MDT. 12/1/18 JLD VII (31)

**REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
AMAZING TANGKAK FESTIVAL 2025**

**Tarikh Dikeluarkan: 9 April 2025
Tarikh Tutup Permohonan: 2 Mei 2025**

1. Latar Belakang

Festival Amazing Tangkak 2025 adalah sebuah inisiatif di bawah Sekretariat Pelancongan Majlis Daerah Tangkak dengan kerjasama Tourism Johor dan Pejabat Daerah Tangkak, bertujuan untuk mempromosikan lokasi pelancongan, warisan budaya, serta produk pelancongan tempatan. Festival ini akan diadakan di Dataran Ledang dan sekitar Daerah Tangkak pada 24 – 28 September 2025.

2. Tujuan RFP

Pihak penganjur ingin menjemput syarikat-syarikat yang berpengalaman untuk mengemukakan cadangan bagi menyediakan perkhidmatan dalam penganjuran festival, meliputi:

- Pengurusan acara pelancongan
- Promosi digital dan konvensional
- Pengurusan reruai pelancongan dan pameran komuniti
- Persembahan kebudayaan dan aktiviti pelancong
- Dokumentasi dan laporan impak pelancongan

3. Skop Kerja

a. Pengurusan Acara & Pameran

- Reka bentuk dan susun atur tapak acara
- Pengurusan reruai agensi pelancongan, homestay, produk tempatan
- Jadual dan penyelarasan aktiviti (demonstrasi budaya, bengkel, persembahan)

b. Promosi dan Publisiti

- Kempen pra-acara (FB, IG, TikTok Ads, media cetak)
- Bahan promosi: poster, video teaser, katalog pelancongan
- Jaringan media dan jemputan pengaruh media sosial

c. Pengisian Acara

- Persembahan kebudayaan dan muzik tradisional
- Pertandingan dan permainan warisan
- Aktiviti pelancong seperti lawatan berpandu, food tour
- Pertunjukan kenderaan berhias
- Lain-lain acara yang sesuai

d. Dokumentasi & Laporan

- Foto/video sepanjang acara
 - Statistik kehadiran pengunjung
 - Laporan impak pelancongan kepada komuniti setempat
-

4. Kelayakan Wajib

- Berdaftar dengan SSM atau MOF
 - Pengalaman dalam pengurusan acara pelancongan (sekurang-kurangnya 2 projek)
 - Kemampuan mengurus pelbagai pihak berkepentingan
 - Sanggup beroperasi di luar bandar dengan pasukan teknikal sendiri
-

5. Kandungan Proposal

Proposal perlu mengandungi:

1. Profil syarikat & pengalaman berkaitan
 2. Kaedah pelaksanaan projek dan cadangan aktiviti
 3. Anggaran bajet & kos terperinci
 4. Garis masa pelaksanaan
 5. Cadangan kerjasama strategik (jika ada)
-

6. Penghantaran Proposal



Email: jpmmdt@gmail.com



Alamat Pos:


Yang Dipertua
Majlis Daerah Tangkak,
84900 Tangkak, Johor
(UP: Jabatan Pembangunan Masyarakat)

7. Tarikh Penting

Perkara	Tarikh
RFP Dibuka	9 April 2025
Sesi Taklimat Vendor (Google Meet)	15 April 2025
Tarikh Tutup RFP	2 Mei 2025
Penilaian & Temu Bual	6–10 Mei 2025
Keputusan Akhir	15 Mei 2025

8. Penafian

Pihak penganjur berhak menolak sebarang proposal tanpa memberikan sebab. Hanya syarikat yang disenarai pendek akan dihubungi.



HAJI MOHD NAZID BIN JASIMAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TANGKAK